

## KPDNHEP tambah baik lesen borong, runcit LPG di Pulau Sebatik

Tarikh kemaskini: 17/01/2020



**TAWAU, 17 Jan** -- Kerajaan sedang menambah baik lesen borong dan runcit bagi penjualan tong gas petroleum cecair (LPG) di Pulau Sebatik dekat sini dalam usaha membendung aktiviti penyeludupan gas bersubsidi ke negara jiran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata langkah itu penting berikutan keadaan unik pulau itu yang terbahagi kepada dua iaitu sebahagian di bawah pentadbiran Malaysia dan sebahagian lagi di bawah Indonesia.

Beliau berkata kerajaan sedia maklum mengenai perbezaan harga yang besar bagi tong LPG di Malaysia berbanding dengan harga yang ditawarkan di Indonesia menyebabkan berlaku kegiatan penyeludupan keluar LPG negara.

"Sebab itulah saya telah diberi penerangan oleh Petronas (Syarikat Petroliaam Nasional Bhd) yang telah menemui Pertamina (syarikat minyak dan gas asli Indonesia) untuk membincangkan situasi ini (penyeludupan LPG) dalam konteks perniagaan sebelum sampai ke perbincangan antara kerajaan (Malaysia-Indonesia)," katanya kepada pemberita selepas melawat pulau itu dekat sini hari ini.

Turut hadir ialah Pegawai Perdagangan Nunukan (Indonesia) Dian Kusimanto.

Saifuddin berkata pihaknya perlu memahami dinamik kehidupan masyarakat di pulau berkenaan bagi memudahkannya membuat sebarang keputusan demi memastikan rakyat Malaysia di pulau itu tidak dinafikan hak mereka kepada barang bersubsidi negara.

"Ini akan membantu saya jika ada keperluan penggubalan dasar baharu, terutama bersabit portfolio kementerian saya, yang berkaitan barang keperluan pengguna serta rantai pengedaran.

"Ini sangat penting untuk saya fahami supaya apa jua pengenalan dasar baharu harus mengambil realiti sejarah, geografi dan hubungan masyarakat yang sudah cukup lama," jelasnya.

-- BERNAMA



## KPDNHEP upgrading LPG wholesale and retail licence in Pulau Sebatik

Last Update: 17/01/2020



**TAWAU, Jan 17 --** The government is upgrading the wholesale and retail licence for the sale of liquefied petroleum gas (LPG) in Pulau Sebatik near here in an effort to curb smuggling activities of the subsidised gas to the neighbouring country.

Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said the move was important due to the unique condition of the island which was divided into two sections, one section under the Malaysian administration and another section under Indonesia.

"The government is aware of the huge price difference of LPG in Malaysia compared to the price offered in Indonesia, resulting in the smuggling out of the country's LPG.

"Because of that, I was briefed by Petronas, which has been discussing (on LPG smuggling problem) with Pertamina (Indonesia's oil and gas company) in business context before the discussion between the two governments," he told reporters after visiting the island today.

Also present was Nunukan (Indonesia) Trade officer Dian Kusimanto.

Saifuddin said the ministry needed to understand the dynamics of people's lives in the island, before making any decision, to ensure that the subsidised product was being enjoyed by Malaysians in Pulau Sebatik.

"This will help me in deciding whether there is a need of drafting a new policy, especially pertaining the ministry's portfolio regarding consumers' essential items and distribution chain.

"Whatever new policy introduced should consider the reality of history, geography and social relationship," he explained.

-- BERNAMA

